

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah tujuan APEL (A)?	<p>APEL (A) didefinisikan sebagai satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu, seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, dan sikap bagi menentukan tahap di mana seseorang individu telah mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, sebagai akses kepada sesuatu program pengajian dan/atau penganugerahan kredit.</p> <p>APEL (A) memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Secara umumnya, penilaian APEL (A) melibatkan penilaian terhadap ilmu yang diperoleh oleh seseorang itu menerusi pendidikan formal mahupun menerusi pengalamannya terdahulu.</p>
2	Bagaimana hendak memohon APEL?	Permohonan dibuat secara dalam talian di http://www2.mqa.gov.my/APEL/ .
3	Apakah kriteria permohonan APEL (A)?	<p>i. Program peringkat Ijazah Sarjana laitu bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana, calon haruslah berumur 30 tahun mulai 1hb Januari pada tahun permohonan dan memiliki kelayakan STPM atau Diploma atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya serta mempunyai pengalaman yang bersesuaian.</p> <p>ii. Program peringkat Ijazah Sarjana Muda laitu bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda, calon haruslah berumur 21 tahun mulai 1hb Januari pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.</p> <p>iii. Program peringkat Diploma</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>iaitu bagi kemasukan ke program Diploma, calon haruslah berumur 20 tahun mulai 1hb Januari pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.</p> <p>iv. Program peringkat Sijil iaitu bagi kemasukan ke program Sijil, calon haruslah berumur 19 tahun mulai 1hb Januari pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.</p>
4	Apakah peringkat pengajian yang boleh dipohon menggunakan APEL (A)?	<p>Buat masa ini penilaian APEL (A) di Malaysia bertujuan untuk kemasukan ke PPT sahaja dan dibuka untuk EMPAT peringkat kemasukan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kemasukan ke program Sijil (APEL T-3); ii. Kemasukan ke program Diploma (APEL T-4); iii. Kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6); dan iv. Kemasukan ke program Ijazah Sarjana (APEL T-7).
5	Adakah sijil APEL (A) setara dengan sijil program akademik di PPT?	<p>Pensijilan APEL hanya boleh digunakan oleh pemohon untuk tujuan melanjutkan pelajaran ke PPT. Ianya bukanlah penganugerahan kelayakan sepertimana program akademik di PPT. Sijil APEL juga tidak boleh digunakan untuk tujuan pekerjaan.</p> <p>Contohnya: Sijil APEL bagi peringkat Sarjana (Tahap 7) hanya boleh digunakan untuk memohon kemasukan ke PPT bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Ianya bukanlah penganugerahan bagi program Sarjana seperti yang dikeluarkan oleh PPT.</p>
6	Apakah program pengajian yang menawarkan syarat kemasukan	Semua program pengajian yang ditawarkan di PPT.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN												
	menggunakan APEL (A)?	<p>Manakala bagi program pengajian yang melalui penilaian oleh badan profesional adalah tertakluk kepada syarat dan keperluan badan profesional tersebut.</p> <p>Bagi permohonan Sarjana (APEL T-7), sebanyak 30 bidang yang ditawarkan seperti yang dipaparkan di pautan: http://www2.mqa.gov.my/APEL/APEL_A/CheckDaftar.cfm.</p>												
7	Apakah mod pengajian yang dibenarkan kepada calon yang lulus penilaian APEL (A)?	<p>Calon yang lulus penilaian APEL (A) boleh melanjutkan pengajian dalam mod secara sepenuh masa dan separuh masa.</p> <p>Bagi sijil APEL (A) peringkat Sarjana (APEL T-7), mod penawaran hanya melibatkan pengajian secara kerja kursus dan campuran sahaja.</p>												
8	Adakah ujian penilaian APEL (A) dikenakan bayaran?	<p>Fi penilaian APEL (A) mengikut tahap adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="891 903 1899 1062"> <thead> <tr> <th data-bbox="891 903 965 943">Bil.</th> <th data-bbox="965 903 1617 943">Tahap</th> <th data-bbox="1617 903 1899 943">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="891 943 965 983">1</td> <td data-bbox="965 943 1617 983">Sijil (Tahap 3) & Diploma (Tahap 4)</td> <td data-bbox="1617 943 1899 983">RM 155.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="891 983 965 1023">2</td> <td data-bbox="965 983 1617 1023">Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)</td> <td data-bbox="1617 983 1899 1023">RM 250.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="891 1023 965 1062">3</td> <td data-bbox="965 1023 1617 1062">Ijazah Sarjana (Tahap 7)</td> <td data-bbox="1617 1023 1899 1062">RM 370.00</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Tahap	Jumlah	1	Sijil (Tahap 3) & Diploma (Tahap 4)	RM 155.00	2	Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)	RM 250.00	3	Ijazah Sarjana (Tahap 7)	RM 370.00
Bil.	Tahap	Jumlah												
1	Sijil (Tahap 3) & Diploma (Tahap 4)	RM 155.00												
2	Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)	RM 250.00												
3	Ijazah Sarjana (Tahap 7)	RM 370.00												

BIL.	SOALAN	JAWAPAN															
9	Apakah kaedah pembayaran penilaian APEL (A)?	<p>Pembayaran fi APEL (A) bergantung kepada pemilihan tahap penilaian dan pemilihan pusat penilaian yang dibuat oleh calon seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="837 384 2018 922"> <thead> <tr> <th data-bbox="837 384 1151 448">Tahap</th> <th data-bbox="1151 384 1514 448">Pusat Penilaian</th> <th data-bbox="1514 384 2018 448">Kaedah Pembayaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="837 448 1151 512">3 (Sijil)</td> <td data-bbox="1151 448 1514 576" rowspan="2">MQA</td> <td data-bbox="1514 448 2018 576" rowspan="2">Pembayaran dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama Agensi Kelayakan Malaysia.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="837 512 1151 576">4 (Diploma)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="837 576 1151 663">6 (Ijazah Sarjana Muda)</td> <td data-bbox="1151 576 1514 663">Pusat Penilaian APEL (PPA)</td> <td data-bbox="1514 576 2018 663">Pembayaran kepada PPA yang dipilih oleh pemohon.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="837 663 1151 922" rowspan="2">7 (Ijazah Sarjana)</td> <td data-bbox="1151 663 1514 791">Pilihan bidang yang dikendalikan MQA</td> <td data-bbox="1514 663 2018 791">Pembayaran dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama Agensi Kelayakan Malaysia</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1151 791 1514 922">Pilihan bidang yang dinilai oleh PPA</td> <td data-bbox="1514 791 2018 922">Pembayaran kepada PPA yang dipilih oleh pemohon</td> </tr> </tbody> </table>	Tahap	Pusat Penilaian	Kaedah Pembayaran	3 (Sijil)	MQA	Pembayaran dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama Agensi Kelayakan Malaysia.	4 (Diploma)	6 (Ijazah Sarjana Muda)	Pusat Penilaian APEL (PPA)	Pembayaran kepada PPA yang dipilih oleh pemohon.	7 (Ijazah Sarjana)	Pilihan bidang yang dikendalikan MQA	Pembayaran dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama Agensi Kelayakan Malaysia	Pilihan bidang yang dinilai oleh PPA	Pembayaran kepada PPA yang dipilih oleh pemohon
Tahap	Pusat Penilaian	Kaedah Pembayaran															
3 (Sijil)	MQA	Pembayaran dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama Agensi Kelayakan Malaysia.															
4 (Diploma)																	
6 (Ijazah Sarjana Muda)	Pusat Penilaian APEL (PPA)	Pembayaran kepada PPA yang dipilih oleh pemohon.															
7 (Ijazah Sarjana)	Pilihan bidang yang dikendalikan MQA	Pembayaran dalam bentuk Bank Draf sahaja atas nama Agensi Kelayakan Malaysia															
	Pilihan bidang yang dinilai oleh PPA	Pembayaran kepada PPA yang dipilih oleh pemohon															
10	Apakah proses yang perlu dilalui oleh calon APEL (A)?	Calon boleh merujuk kepada Buku Panduan APEL untuk Pelajar (Bahagian V) di pautan http://www2.mqa.gov.my/APEL/ .															
11	Berapakah tempoh proses penilaian APEL (A) sehingga calon yang berjaya menerima sijil?	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh minimum DUA (2) bulan bagi calon Tahap 3, 4 dan 6 dari tarikh permohonan lengkap. • Tempoh minimum TIGA (3) bulan bagi Tahap 7 dari tarikh permohonan lengkap. 															
12	Apakah komponen penilaian yang perlu dilalui oleh seorang	<p><u>Tahap 3, 4 dan 6:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Ujian Aptitud dan Portfolio. 															

BIL.	SOALAN	JAWAPAN																								
	calon APEL (A)?	<p><u>Tahap 7:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Ujian Aptitud, Portfolio dan Temu duga. 																								
13	Apakah Struktur Ujian Aptitud yang perlu diambil oleh calon APEL (A)?	<p><u>Struktur Ujian Tahap 3 dan 4:</u></p> <p>Nota: Pemohon mestilah menjawab 20 soalan dengan betul untuk lulus.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Aspek Penilaian</th> <th>Jumlah Soalan</th> <th>Tempoh Masa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bahasa Melayu</td> <td>10</td> <td rowspan="4">2 jam</td> </tr> <tr> <td>Bahasa Inggeris</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>Matematik</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis</td> <td>10</td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Struktur Ujian Tahap 6:</u></p> <p>Nota: Pemohon mestilah memperolehi 50% dari ujian Aptitud untuk lulus.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Aspek Penilaian</th> <th>Jumlah Soalan</th> <th>Tempoh Masa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bahasa Melayu</td> <td>10-15</td> <td rowspan="4">2 jam</td> </tr> <tr> <td>Bahasa Inggeris</td> <td>10-15</td> </tr> <tr> <td>Matematik</td> <td>10-15</td> </tr> <tr> <td>Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis</td> <td>10-15</td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Struktur Ujian Tahap 7:</u></p>	Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tempoh Masa	Bahasa Melayu	10	2 jam	Bahasa Inggeris	10	Matematik	10	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10	Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tempoh Masa	Bahasa Melayu	10-15	2 jam	Bahasa Inggeris	10-15	Matematik	10-15	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10-15
Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tempoh Masa																								
Bahasa Melayu	10	2 jam																								
Bahasa Inggeris	10																									
Matematik	10																									
Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10																									
Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tempoh Masa																								
Bahasa Melayu	10-15	2 jam																								
Bahasa Inggeris	10-15																									
Matematik	10-15																									
Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10-15																									

BIL.	SOALAN	JAWAPAN														
		Nota: Pemohon mestilah memperolehi 50% dari ujian Aptitud untuk lulus.														
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="806 341 1084 384">Aspek Penilaian</th> <th data-bbox="1084 341 1615 384">Jumlah Soalan</th> <th data-bbox="1615 341 2020 384">Tempoh Masa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="806 384 1084 469">Bahasa Melayu</td> <td data-bbox="1084 384 1615 469">Bahagian A: 13 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur</td> <td data-bbox="1615 384 2020 810" rowspan="4">2 jam</td> </tr> <tr> <td data-bbox="806 469 1084 576">Bahasa Inggeris</td> <td data-bbox="1084 469 1615 576">Bahagian A: 12 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur</td> </tr> <tr> <td data-bbox="806 576 1084 683">Matematik</td> <td data-bbox="1084 576 1615 683">Bahagian A: 25 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur</td> </tr> <tr> <td data-bbox="806 683 1084 810">Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis</td> <td data-bbox="1084 683 1615 810">Bahagian A: 25 Soalan Objektif Bahagian B: 2 Soalan Struktur</td> </tr> </tbody> </table>	Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tempoh Masa	Bahasa Melayu	Bahagian A: 13 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur	2 jam	Bahasa Inggeris	Bahagian A: 12 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur	Matematik	Bahagian A: 25 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	Bahagian A: 25 Soalan Objektif Bahagian B: 2 Soalan Struktur		
Aspek Penilaian	Jumlah Soalan	Tempoh Masa														
Bahasa Melayu	Bahagian A: 13 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur	2 jam														
Bahasa Inggeris	Bahagian A: 12 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur															
Matematik	Bahagian A: 25 Soalan Objektif Bahagian B: 1 Soalan Struktur															
Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	Bahagian A: 25 Soalan Objektif Bahagian B: 2 Soalan Struktur															
14	Apakah Pusat Penilaian APEL (PPA) dan tanggungjawab PPA?	<p>PPA adalah PPT yang dilantik oleh MQA untuk menerima dan memproses sepenuhnya penilaian APEL (A) bagi kemasukan ke program tahap 6 dan 7.</p> <p>Sehingga kini sebanyak enam PPA yang telah dilantik oleh MQA iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Open University Malaysia (OUM); 2. Wawasan Open University (WOU); 3. Universiti Utara Malaysia (UUM); 4. Universiti Teknologi Malaysia (UTM); 5. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM); dan 6. Universiti Teknologi MARA (UiTM). 														
15	Adakah calon yang menjalani penilaian APEL (A) di PPA hanya boleh melanjutkan pengajian di	Calon yang telah memperoleh sijil APEL (A) MQA boleh melanjutkan pengajian di mana-mana PPT walaupun menjalani penilaian APEL (A) di enam PPA tersebut.														

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	PPA tersebut sahaja?	
16	Saya telah memohon APEL (A) melalui laman web MQA dan memilih PPA untuk penilaian (A), apakah tindakan seterusnya yang perlu saya lakukan?	Pemohon akan menerima e-mel yang dijana secara automatik selepas mendaftar pada Portal APEL (A) MQA. Tindakan seterusnya, pemohon perlu mendaftar semula dengan PPA di pautan yang disertakan di dalam e-mel tersebut.
17	Bagaimana saya hendak mengetahui skop Ujian Aptitud dan menyediakan Portfolio?	Skop Ujian Aptitud dan format penyediaan portfolio bagi peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda boleh didapati pada Buku Panduan APEL. Sila rujuk http://www2.mqa.gov.my/APEL/APEL_A/handbook.html
18	Saya berminat untuk mengambil penilaian APEL (A) dan melanjutkan pengajian di PPT pilihan saya. Bilakah masa yang sesuai saya harus memohon APEL (A)?	Pemohon dinasihatkan memohon APEL (A) sekurang-kurangnya ENAM (6) sebelum tarikh kemasukan ke institusi pengajian tinggi pilihan.
19	Apakah Universiti Rakan (UR) dan tanggungjawab UR?	Universiti Rakan (UR) adalah pusat yang dilantik untuk mengendalikan UJIAN APTITUD bagi pihak MQA. Sehingga kini sebanyak dua PPA yang telah dilantik oleh MQA iaitu: 1. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM); dan 2. Universiti Teknologi MARA (UiTM).
20.	Adakah sijil APEL mempunyai tempoh sah laku?	Buat masa ini, tiada tempoh sah laku bagi sijil APEL dan terpakai pada bila-bila masa.